KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# SESI LIBAT URUS
# PEMAKAIAN LENCANA JALUR GEMILANG PADA PAKAIAN SERAGAM MURID DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**TARIKH : 07 MAC 2025 (JUMAAT)**

**TEMPAT : PPD KUANTAN**

MALAYSIA MADANI

# TUJUAN

- Memberikan penjelasan tentang tatacara pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid; dan

- menjadi rujukan kepada pegawai bahagian di KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD), institusi pendidikan, ibu bapa/penjaga dan murid tentang pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# LATAR BELAKANG

| | |
|---|---|
| 1 | **Bagi memastikan semangat patriotisme dan cinta akan negara dalam kalangan murid dan warga pendidik terus kekal dan subur, suatu usaha daripada peringkat akar umbi perlu dilaksanakan secara holistik** |
| 2 | **Bendera Malaysia telah diisytiharkan dengan nama Jalur Gemilang pada 31 Ogos 1997 sempena sambutan 40 tahun kemerdekaan negara** |
| 3 | **Mesyuarat Jawatankuasa Gerak Saraf Perang Saraf Kebangsaan Bilangan 2 Tahun 2024 bertarikh 2 Disember 2024 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara telah memutuskan supaya KPM menyediakan satu Kertas Jemaah Menteri bagi pemakaian lencana Jalur Gemilang pada pakaian seragam murid** |
| 4 | **Telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Top 7 Khas pada 3 Januari 2025** |
| 5 | **Telah diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Februari 2025** |

# ASAS PERTIMBANGAN

**PERTIMBANGAN 01**

Melalui elemen Pendidikan bawah rukun MADANI keempat, iaitu 'hormat' menyatakan bahawa sistem pendidikan seringkali menjadi barisan hadapan mengikat perpaduan dan menyuburkan rasa hormat dalam kalangan rakyat.



**PERTIMBANGAN 02**

Bertepatan dengan salah satu aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, iaitu Identiti Nasional.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# PEMBEKALAN

- 2 (dua) unit bagi setiap murid untuk sesi persekolahan 2025/2026.

- Sesi persekolahan seterusnya pemakaian lencana Jalur Gemilang ini menjadi tanggungjawab ibu bapa/penjaga.

Lencana Jalur Gemilang yang telah pudar atau rosak perlu diganti dengan lencana yang baharu. Hal ini bagi memastikan lencana Jalur Gemilang berada dalam keadaan baik.

MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# STRATEGI PELAKSANAAN

**KPM menyediakan garis panduan (GP) sebagai rujukan kepada JPN, PPD, institusi pendidikan, ibu bapa/penjaga dan murid.**

**GP ini akan ditatarkan kepada JPN, PPD dan sekolah supaya semua pihak faham serta jelas dengan kaedah pemakaiannya.**

- ✓GP ini hendaklah terpakai kepada sekolah kerajaan, sekolah bantuan kerajaan, kolej Matrikulasi & IPGM
- ✓Institusi pendidikan bawah agensi lain selain KPM disaran untuk merujuk garis panduan ini.

**Kedudukan Lencana Jalur Gemilang**

Dipakai pada bahagian kanan dada selari dengan kedudukan tanda nama murid.

**Jenis Pakaian**

1. baju prasekolah;
2. baju kemeja;
3. baju kurung;
4. *pinafore tunic;*
5. tudung;
6. baju melayu;
7. pakaian sukan;
8. Pakaian batik;
9. pakaian seragam unit beruniform;
10. pakaian seragam khas;
11. baju korporat (kolej vokasional).

MALAYSIA MADANI

# SPESIFIKASI DAN KEDUDUKAN LENCANA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN



sisi hadapan



sisi belakang




**Spesifikasi lencana Jalur Gemilang**

**i.saiz: 5cm x 2.5 cm;**

**ii.material: *Top MYLAR transparent film*; dan**

**iii.kualiti: ABS asas putih dan plat keluli**




MALAYSIA MADANI

# TARIKH KUAT KUASA

Mula berkuatkuasa sepenuhnya bermula **akhir April** Kalendar Akademik Sesi 2025/2026.

# TANGGUNGJAWAB

Guru dan pihak sekolah bertanggungjawab untuk memastikan semua murid memakai lencana Jalur Gemilang dengan betul dan konsisten semasa sesi persekolahan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# GARIS MASA AGIHAN PEMAKAIAN LENCANA JALUR GEMILANG PADA PAKAIAN SERAGAM MURID DI INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**03 JAN 2025**

Mesyuarat Pengurusan Top 7 KPM

**06 JAN 2025**

MPKPM

**14 JAN 2025**

BPSH telah membentangkan kepada JPN berkaitan lencana Jalur Gemilang dalam Mesyuarat Persediaan Penggal Persekolahan Sesi 2025/2026

**14 FEB 2025**

Pembentangan Kertas Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

**17 – 28 FEB 2025**

Bahagian Kewangan, KPM mengagihkan Waran Peruntukan Kecil (WPK) ke JPN.

**03 MAC – 21 MAC 2025**

JPN, IPGM dan Matrikulasi membuat perolehan lencana jalur gemilang.

**07 MAC 2025**

SLU kepada JPN, IPGM dan Matrikulasi

**24 – 28 MAC 2025**

JPN, IPGM dan Matrikulasi membuat agihan lencana jalur gemilang.

**07-18 APRIL 2025**

JPN, IPGM dan Matrikulasi membuat pelancaran pemakaian lencana jalur gemilang.

**21 APRIL 2025**

**Semua murid memakai lencana jalur gemilang pada pakaian seragam masing-masing.**

MALAYSIA MADANI

# PENUTUP

- KPM sentiasa komited dalam memupuk semangat patriotisme dalam diri semua warga KPM khususnya murid. Inisiatif ini juga diharap dapat mewujudkan pengetahuan dan kecintaan terhadap negara Malaysia dalam jiwa generasi muda kini; dan

- Garis Panduan Pemakaian Lencana Jalur Gemilang Pada Pakaian Seragam Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ini diharap dapat menjadi panduan dalam keseragaman pemakaian lencana Jalur Gemilang bagi pelaksanaan di institusi pendidikan.

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# Jenis pakaian seragam sekolah murid

## Prasekolah




## Kemeja




MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# Jenis pakaian seragam sekolah murid

**Baju kurung**




***pinafore tunic***




MALAYSIA MADANI

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# Jenis pakaian seragam sekolah murid

## Baju Melayu




## Tudung




MALAYSIA MADANI

# Jenis pakaian seragam sekolah murid

**Baju Korporat**
**Kolej Vokasional**

